

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

BAT 411/3 - Akuakultur

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Pengetahuan serta pengalaman daripada kejayaan anda menternak kerang di Kuala Gula, Perak, akan menjamin keuntungan di dalam usaha anda mengeluarkan ikan kerapu di sangkar terapung di Sungai Batu, Kedah, oleh kerana kedua aktiviti tersebut juga melibatkan penjagaan haiwan yang hidup. Bincangkan.

(20 markah)

2. Huraikan satu keadaan ekonomik di mana ternakan ikan tilapia boleh dikatakan menguntungkan dengan merujuk kepada perkara-perkara mengenai modal persediaan infrastruktur, kos benih, kos makanan, kadar kematian, kos aktiviti pengurusan lain serta harga pasaran. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah tambahan yang sepatutnya diambil untuk mempergiatkan ternakan tilapia di Pulau Pinang.

(20 markah)

...2/-

[BAT 411]

3. Bincangkan bidang-bidang penyelidikan yang perlu dimajukan untuk menggalakkan perkembangan akuakultur di Malaysia. Berikan alasan untuk menyokong pendapat anda.
(20 markah)
4. (a) Bincangkan peranan komponen-komponen protein, lipid dan karbohidrat dalam nutrisi ikan.
(10 markah)
- (b) Bincangkan pertalian di antara pH dengan amonia. Apakah kesan pertalian ini pada akuakultur dan apakah langkah-langkah pengurusan yang perlu diambil untuk mengawalinya.
(10 markah)
5. Bincangkan faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam proses pemilihan tapak untuk ternakan intensif udang harimau (*Penaeus monodon*).
(20 markah)
6. Tuliskan nota-nota ringkas untuk tajuk-tajuk berikut:
- (a) Patogen obligat
 - (b) Rawatan profilaktik
 - (c) Methemoglobinemia
 - (d) FCR
- (20 markah)

-oooOOooo-